

# Sekolah berasrama penuh vs sekolah harian

UB 14/09/2011 BH

MINDA PENDIDIK  
MUHAMAD SUHAIMI TAAT



Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Shukri Zain dan Roslee Talip

**B**ARU-BARU ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengumumkan untuk mengubah dasar pengambilan pelajar ke sekolah menegah berasrama penuh (SBP) dengan memberikan kelonggaran kepada pelajar luar bandar. Jika sebelum ini syarat minimum pelajar untuk menyertai SBP adalah 4A&1B dalam UPSR, namun dengan dasar baru ini yang diperkenalkan, maka syarat minimum bagi pelajar luar bandar adalah 3A&2B. Justeru sudah tentu ramai yang menyambut dengan baik dan menyokong dasar baru ini kerana akan memberikan ruang dan peluang kepada pelajar yang bersekolah di luar bandar untuk menikmati kemudahan pembelajaran di sekolah menengah berasrama penuh yang sebelum ini rata-rata dimonopoli oleh pelajar yang berasal daripada sekolah bandar dan dari golongan pertengahan atau atasan. Namun, pada ruang yang terhad ini penulis ingin memberikan komentar berkaitan isu ini dari kaca mata penulis yang pernah merasai pengalaman bersekolah di sekolah berasrama biasa dan di sekolah berasrama penuh.

Apabila sesuatu dasar atau syarat baru diperkenalkan, apa yang lebih penting adalah aspek proses pelaksanaannya agar betul-betul memberi manfaat kepada golongan terbabit (pelajar luar bandar). Sebelum perkara tersebut dilaksanakan, pihak KPM seharusnya dapat memberikan definisi yang terperinci tentang sekolah luar bandar dari sudut lokasi, kemudahan dan kelengkapan,

latar belakang pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, dan sebagainya kerana terdapat sekolah yang berstatus luar bandar tetapi dari sudut-sudut tersebut lebih baik berbanding dengan beberapa sekolah di pekan atau di bandar. Begitu juga dengan beberapa sekolah yang dikatakan berada dalam zon bandar, tetapi kemudahan prasarananya adalah lebih daif daripada sekolah di luar bandar. Terdapat juga pelajar dari golongan pertengahan atau atasan yang belajar di sekolah luar bandar. Begitu juga halnya ramai juga pelajar yang bersekolah di bandar adalah tergolong sebagai pelajar miskin. Sebagai pendidik, kita sedia maklum bahawa asas pembentukan pelajar adalah menurut kepada perkembangan dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS). Persoalannya, adakah pelajar yang berasal dari luar bandar ini telah dipersiapkan dari aspek-aspek tersebut terutamanya emosi dan sosial yang mungkin dibimbangkan sekiranya tidak dapat diseimbangkan dan diperkukuhkan akan memberikan kesan jangka pendek dan jangka panjang seperti perasaan rendah diri atau jati diri yang rapuh kerana majoriti pelajar adalah berlatarbelakangkan keluarga sederhana atau berada berbanding dengan pelajar yang berasal dari luar bandar. Ini belum lagi dengan kebimbangan berlakunya 'culture-shock' sekiranya pelajar luar bandar tidak dapat membuat adaptasi dengan suasana dan rakan-rakan baru di SBP. Di samping itu, berkemungkinan juga terdapat segelintir ibu bapa 'bijak' di bandar akan menghantar anak-anak mereka untuk bersekolah di sekolah 'luar bandar' agar peluang anak-anak mereka untuk memasuki SBP menjadi lebih cerah.

Sehubungan dengan itu,

cadangan baik oleh KPM itu seharusnya diperhalusi lagi dengan melihat bukan sahaja aspek pelajar, tetapi aspek-aspek lain seperti latar belakang keluarga dan juga pencapaian kokurikulum pelajar. Syarat-syarat kemasukan juga perlu lebih diperketat dan lebih komprehensif agar tiada pihak yang cuba untuk mengambil peluang seperti sesetengah ibu bapa 'bijak' yang disebutkan sebelum ini. Dari aspek pelajar pula, di sinilah peranan seorang guru yang sememangnya berpendidikan tinggi untuk memberikan maklumat, bimbingan, dan panduan agar pelajar luar bandar yang layak ke SBP tidak mengalami masalah atau situasi seperti mana yang telah disebutkan di atas. Adalah lebih baik sekiranya pelajar-pelajar luar bandar tersebut diberikan taklimat atau orientasi khas sebelum dihantar ke SBP supaya pelajar tersebut lebih bersedia khususnya daripada aspek mental dan emosi sebelum menyertai rakan-rakan baru di SBP. Peranan tersebut bukan sahaja harus dilaksanakan oleh guru bimbingan dan kaunseling, tetapi sepatutnya dibantu oleh guru-guru lain. Sekiranya perkara-perkara tersebut dapat dilaksanakan, maka kecemerlangan pelajar luar bandar akan menjadi lebih cemerlang apabila berada di SBP nanti dan bukan pula sebaliknya.

Sebenarnya apa yang lebih penting adalah sekiranya para guru yang sememangnya telah diberikan latihan perguruan dengan baik sama ada di IPTA, IPTS, atau IPG berupaya melaksanakan tugas dengan ikhlas, cekap, dan berkesan, maka masalah pendidikan 'kelas kedua' yang berlaku di sekolah menengah harian biasa dapat dikurangkan. Begitu juga sekiranya pelbagai kemudahan

yang diberikan kepada SBP turut juga diberikan kepada sekolah harian biasa (walaupun bukanlah semua), tidak mustahil pelajar yang akan dilahirkan adalah menghampiri atau setaraf dengan pelajar yang dilahirkan di SBP. Tidak dapat dinafikan bahawa mengajar pelajar yang baik terutamanya dari aspek kognitifnya adalah lebih mudah berbanding mengajar yang lemah dan mungkin ditambah lagi dengan banyak masalah disiplinnya. Kita perlu akur dengan kepelbagaian kecerdasan dan kebolehan yang dimiliki oleh pelajar kerana latar belakang yang berbeza. Kerana itulah juga para guru telah dibekalkan dengan segala ilmu seperti sosiologi, psikologi, pedagogi dan sebagainya bagi cuba mengatasi masalah yang mungkin dihadapi khususnya di dalam bilik darjah agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan berkesan. Hakikatnya, guru era globalisasi dan moden sekarang ini menghadapi pelbagai cabaran sama ada bertugas di bandar atau di luar bandar. 'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul', namun terserahlah kepada individu guru itu untuk menghadapi cabaran atau rintangan tersebut dengan cara tersendiri. Apa yang lebih penting adalah seseorang guru itu berfikir dan bertindak secara bijaksana. Hasrat murni kerajaan untuk berlaku adil kepada rakyat khususnya masyarakat luar bandar adalah amat disokong. Adil adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya, justeru pelaksanaan pendemokrasian pendidikan dan pendidikan untuk semua haruslah diperhalusi perencanan dan pelaksanaannya agar tiada siapa yang akan merasa tercicir atau dinafikan hak mereka dalam sistem pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, perkara tersebut hendaklah dilihat dari

pelbagai sudut atau paradigma, dan juga lebih bersifat holistik.

Bagi ibu bapa yang anak mereka tidak layak untuk memasuki asrama penuh pula, tidak perlu kecewa kerana sebenarnya tidak banyak perbezaan kualiti khususnya kualiti guru antara SBP dan sekolah harian biasa. Malah terdapat sekolah harian biasa yang berjaya melahirkan pelajar standing atau lebih baik berbanding SBP. Sebagai contoh suatu masa dahulu ada pelajar dari sekolah menengah harian biasa yang berjaya mendapat keputusan SPM sehingga 17A. Namun tidak dinafikan bahawa suasana, iklim persekolahan, dan budaya sekolah berkesan seperti di kebanyakan SBP sudah tentu akan dapat mempengaruhi prestasi kebanyakan pelajarannya. Ibu bapa mana yang tidak berasa bangga dan gembira sekiranya anaknya dapat melanjutkan pelajaran di SBP. Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman penulis, terdapat juga pelajar yang semakin merosot prestasi akademik mereka kerana tidak dapat mengadaptasikan diri mereka dengan suasana dan persekitaran di SBP. Ini belum lagi disentuh dan diuraikan berkaitan masalah-masalah lain yang mungkin timbul kerana tidak semua pelajar yang boleh menyesuaikan diri untuk tinggal di asrama dan mempunyai jati diri yang kuat untuk menolak pengaruh negatif yang mungkin dibawa oleh rakan-rakan yang lain. Pemantauan ibu bapa adalah perlu bagi anak-anak yang tinggal di asrama, dan tidak hanya melepaskan tanggungjawab tersebut kepada guru atau warden asrama sahaja. Ibu bapa juga seharusnya memainkan peranan untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang secukupnya

dan sempurna sebagai bekalan hidup di dunia dan di akhirat nanti. Adalah kurang tepat dan tidak adil sekiranya meletakkan tanggungjawab mendidik di atas bahu guru di sekolah semata-mata. Seharusnya berlaku kesinambungan pendidikan dari sekolah dan di rumah. Justeru, jadilah ibu bapa yang mengambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan pelajaran dan pendidikan anak-anak.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan akan kelebihan belajar dan mendapat pendidikan di SBP kerana dengan pelbagai kemudahan, faktor pengurusan pentadbiran, kewangan, dan sumber manusia yang lebih baik menjadikan SBP sekolah pilihan dan idaman ramai pelajar terutamanya yang berasal daripada golongan sederhana dan luar bandar. Malah banyak juga SBT yang telah diangkat menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi. Hal ini menjadikan SBP di Malaysia sebuah institusi pendidikan peringkat pertengahan yang elit dengan memiliki etos yang tersendiri. Namun begitu, tidak kurang juga lahirnya banyak sekolah harian biasa yang memiliki iklim dan persekitaran kondusif serta memberangsangkan untuk meningkatkan 'mood' pembelajaran dan pembinaan insan pelajar yang seimbang. Justeru, tidak kira di mana anak-anak kita belajar, apa yang penting adalah individu pelajar itu sendiri ada kemahuan, keazaman, dan iltizam yang tinggi untuk mencapai kejayaan ibarat kata pepatah 'benih yang baik dicampak ke darat menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau'.

\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah